

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**HKB 501 – Konvensi, Tipainduk dan Tema-Tema  
Kesusasteraan Asia**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja, **DUA [2]** daripada **Bahagian A** dan **DUA [2]** daripada **Bahagian B**.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

**Bahagian A**

1. Tipainduk merupakan unsur-unsur asli yang banyak menjelma dalam pelbagai bentuk kepercayaan dan hasil seni sesuatu masyarakat. Bincangkan. Berdasarkan contoh-contoh daripada hasil kesusasteraan, huraikan pencernaan **dua** daripada unsur tipainduk yang berikut:

- [a] tema
- [b] mitos
- [c] watak

2. Maka pusat bumi itulah yang bernama Ular Sakatimuna, ialah yang membelit bumi setapak Nabi itu. Maka firman Allah Taala di dalam rahsianya kepada Jibrail, "Palukanlah akan Ular Sakatimuna itu, ambil olehmu besi tongkat kalimah yang terjantai di pintu langit itu." Maka diambillah besi itu serta dipalukannya kepada ular itu, maka putus dua ular itu, sekerat kepalanya ke atas langit menyentak naik, ekornya ke bawah bumi pun menyentak turun. Dan kepalanya itu menjadi Jin Seri Alam, lidahnya itu menjadi Jin Sakti, dan benih yang di dalam matanya itu menjadi Jin Putih, dan ruang-ruang matanya itu menjadi Dato' Mentala Guru, dan cahaya matanya itu menjadi sekalian jin...

Buat satu huraian yang kritis tentang petikan di atas. Seterusnya, bandingkan petikan di atas dengan kisah kosmologi masyarakat Arab-Parsi tentang "dunia terletak di atas tanduk lembu" seperti yang terdapat dalam *Qisas al-Anbiya*.

3. Kisah kezaliman raja-raja yang wujud dalam kesusasteraan Asia seringkali diimbangi dengan kelahiran wira unggul bagi sesuatu bangsa itu. Berdasarkan **tiga** contoh daripada hasil karya kesusasteraan Asia yang berbeza, bincangkan sebab-sebab hal di atas berlaku.

## **BAHAGIAN B**

4. Sumbang mahram dalam kesusasteraan telah dianalisis oleh Sigmund Freud berdasarkan teori psikologi peribadi dengan mengambil tragedi Greek, *Oedipus* sebagai asas cerakinannya. Dengan meneliti dua buah karya Asia, satu daripada Nusantara dan satu daripada Tanah Besar Asia dalam tema yang sama, bahaskan kesesuaian teori tersebut untuk diaplikasikan kepada tema arkitaip ini bagi sastera Asia.
5. Dengan meneliti cerita nabi-nabi dalam pelbagai masyarakat Islam di Asia dapat dikesan bahawa proses transformasi daripada sumber asal, iaitu *Al-Quran* telah melahirkan pelencongan dalam aspek objektif, pendekatan, kesan dan bentuk. Dengan menumpukan kepada cerita Nabi Yusuf, bincangkan dengan kritis akan permasalahan tersebut.
6. Di dalam khazanah kesusasteraan Asia, *Mathnawi* karya Jalaluddin Rumi dapat dianggap sebagai hasil dari inspirasi kesan kecintaan yang murni dan mendalam daripada seorang pencinta terhadap Kekasihnya. Dengan menjelaskan secara ringkas tetapi padat dan tepat terhadap peribadi penyair agung ini serta bentuk karya beliau, bincangkan pernyataan di atas.